

01 FEB 2002

Mahathir-Siasat

SEKOLAH PONDOK, MADRASAH AKAN DISIASAT, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sekolah pondok dan madrasah di negara akan disiasat bagi memastikan sama ada institusi berkenaan benar-benar mengajar agama ataupun tidak.

"Saya tahu ada pondok yang penuntutnya mengambil masa selama 14 tahun untuk belajar Usuluddin (ilmu tauhid) sahaja.

"Jadi bermakna bahawa mereka tak belajar...mereka berada di situ dengan niat lain. Saya berasa amat sedih," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan ulangtahun pertama Wilayah Persekutuan Putrajaya di sini hari ini.

Sebelum itu beliau diminta mengulas laporan muka depan sebuah akhbar mengenai penahanan 12 tenaga pengajar Sekolah Tarbiyah Islamiyah Luqmanul Hakiem termasuk mudirnya (pengetua), untuk siasatan berkaitan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) di Sungai Tiram dekat Johor Baharu, beberapa hari lepas.

Katanya beliau belum mendapat laporan mengenai perkara itu.

Beliau berkata situasi itu, seperti juga di negara seperti Pakistan, sekolah agama tidak mengajar agama sebaliknya mengajar bagaimana hendak menjatuhkan kerajaan secara ganas.

Dr Mahathir berasa sedih kerana golongan itu sanggup membuat perkara yang bertentangan dengan agama Islam kerana di sekolah-sekolah berkenaan, bukan agama yang dipelajari tetapi politik untuk menjatuhkan kerajaan.

"Malang sekali apabila kita ambil apa-apa tindakan orang ini akan kata kita menghalang ajaran agama tetapi sebenarnya bukan agama yang diajar di sini," katanya.

Berdasarkan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang merancang kurikulum bersepadu untuk sekolah-sekolah agama dan memastikan kurikulum itu akan turut diikuti sekolah kerajaan.

Ini kerana di sekolah kerajaan juga terdapat guru-guru agama yang membawa masuk unsur politik dalam ajaran mereka, katanya.

Ditanya sama ada perkara ini sensitif kerana dilihat sebagai campurtangan kerajaan persekutuan terhadap kerajaan negeri (yang mengendalikan sekolah agama di negeri-negeri), beliau berkata kerajaan persekutuan bertanggungjawab dalam semua aspek pendidikan walaupun soal agama adalah tanggungjawab kerajaan negeri.

Dr Mahathir berkata ada kerajaan negeri yang mungkin ingin mempertahankan (sekolah agama) dan mendakwa ia mengajar Islam tetapi sebenarnya (kerajaan negeri berkenaan) mempertahankan tempat itu untuk masa depan dan sudah tentu ia lari dari tujuan pendidikan.

"Mereka (pengurusan sekolah) juga menggunakan tempat ini untuk melatih anak kita dengan ideologi mereka dan hasrat mereka untuk menjatuhkan kerajaan.

"Kerana mereka ini (pelajar) begitu muda dan tak sabar, mereka sanggup belajar cara ganas untuk jatuhkan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

SHS DC RON